

Rujukan : ANM.PHG.600-1/1/12 Jld. 3 (33)
Tarikh : 30.05.2025

**PINDAAN LAMPIRAN A : BORANG MENGEMASKINI MAKLUMAT PERIBADI
BAGI TUJUAN POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB)**

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Berdasarkan Belanjawan MADANI 2025 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat, bagi membantu meringankan tanggungan pembayar cukai individu selaras dengan aspirasi Ihsan di bawah nilai teras MADANI, berkuatkuasa **mulai tahun taksiran 2025 pelepasan cukai bagi individu kurang upaya** telah disemak semula seperti berikut:

- i. pelepasan cukai tambahan bagi pembayar cukai individu kurang upaya dinaikkan daripada RM6,000 kepada RM7,000;
- ii. pelepasan cukai tambahan bagi pembayar cukai individu yang mempunyai suami/isteri kurang upaya dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM6,000; dan
- iii. pelepasan cukai tambahan bagi pembayar cukai individu yang mempunyai anak kurang upaya yang belum berkahwin dinaikkan daripada RM6,000 kepada RM8,000.

3. Oleh itu, selaras dengan kelulusan tersebut bersama-sama ini disertakan Lampiran A : Borang Mengemaskini Maklumat Peribadi Bagi Tujuan Pengiraan Potongan Cukai Bulanan (PCB) dikemaskini pada 13 Mac 2025. PTJ boleh mengambil tindakan berikut:-

- a) PTJ meminta pegawai yang terlibat untuk mengemaskini maklumat PCB menggunakan Borang yang dilampirkan (Lampiran A).
- b) Setelah Borang PCB diterima, PTJ boleh menggunakan Lampiran A (format *microsoft excel*) untuk semak silang jumlah tanggungan dan membuat pengemaskinian (jika perlu) melalui *tcode PA30* di *wagetype IT0198 – Schedular Tax Deduction* di Sistem HCM.

4. Bersama-sama ini dilampirkan kompilasi Soalan Lazim berkenaan Borang PCB untuk rujukan PTJ. Sila berhubung dengan Unit Gaji JANM Pahang di talian 09-591 5024 / 5025 / 5019 / 5005.

Sekian, terima kasih.

UNIT GAJI
JANM PAHANG
30 MEI 2025

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BORANG MENGEJEMAS KINI MAKLUMAT PERIBADI BAGI TUJUAN
PENGIRAAN POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB)

- 1 NAMA : _____
- 2 NO. GAJI : _____
- 3 NO. KAD PENGENALAN : _____
- 4 NO. TIN LHDN : _____
- 5 STATUS PERKAHWINAN *

BUJANG

Tandakan 'X'

*Untuk kegunaan
Pusat Pembayaran
Gaji*

KAHWIN DAN PASANGAN TIDAK BERKERJA
 KAHWIN DAN PASANGAN BEKERJA
 DUDA / JANDA / BALU
 BUJANG DENGAN ANAK ANGKAT

*Kategori 1**Kategori 2**Kategori 3**Kategori 3**Kategori 3*

6 ANAK

*Bilangan Anak***
 100% 50%

DI BAWAH 18 TAHUN

NORMAL

KURANG UPAYA

18 TAHUN DAN KEATAS

SIJIL / MATRIKULASI

DIPLOMA DALAM NEGARA

DIPLOMA LUAR NEGARA

IJAZAH DALAM NEGARA

IJAZAH LUAR NEGARA

KURANG UPAYA

KURANG UPAYA DI IPT

*1 Anak = 1 Tanggungan**1 Anak = 4 Tanggungan**1 Anak = 1 Tanggungan**1 Anak = 4 Tanggungan**1 Anak = 8 Tanggungan*

Jumlah Tanggungan
 100% 50%

*RM7,000**RM6,000*

7 TUNTUTAN PELEPASAN

Tandakan 'X'

INDIVIDU YANG KURANG UPAYA

SUAMI/ ISTERI YANG KURANG UPAYA

Saya mengaku maklumat yang diberikan adalah benar,

.....().....

Nota: * Berdasarkan kepada Jadual PCB, pembayar cukai dibahagikan kepada 3 kategori:

Kategori 1: Bujang.

Kategori 2: Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja

Kategori 3: Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang dengan anak angkat

Jika isteri ATAU suami memilih untuk menuntut KESELURUHAN potongan anak, kategori PCB suami dan isteri ditentukan mengikut Kategori 3.

Jika seseorang pekerja yang telah bercerai, duda atau janda, Kategori 3 Jadual PCB adalah terpakai. Walau bagaimanapun sekiranya pekerja TIDAK mempunyai anak, Kategori 1 adalah terpakai.

Jika isteri/ suami, masing-masing memilih bilangan anak tertentu untuk menuntut potongan anak, PCB akan ditentukan mengikut Kategori 3.

Contoh: Pasangan suami isteri yang bekerja mempunyai 5 orang anak. Suami menuntut potongan bagi 3 orang anak dan isteri menuntut potongan bagi 2 orang anak . PCB ditentukan seperti berikut:

Suami : Kategori 3 & bil. anak 3; isteri : Kategori 3 & bil. anak 2.

** Peratus kelayakan tuntutan pelepasan anak

Kelayakan 100% - Bagi individu yang layak menuntut pelepasan anak sepenuhnya.

Kelayakan 50% - Di mana dua atau lebih individu (bukan suami isteri yang tinggal bersama) layak menuntut potongan berhubung bayaran yang dibuat ke atas anak yang sama, dan setiap individu tersebut layak menuntut separuh daripada pelepasan yang dibenarkan. Subseksyen 48(4)

FAQ BORANG MENGEJAS KINI MAKLUMAT PERIBADI BAGI TUJUAN PENGIRAAN POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB)

(DIKEMASKINI OLEH: UNIT GAJI JANM PAHANG, Mei 2025)

Bil	Soala5	Jawapan
1	Bagaimana hendak tetapkan Kategori atau status perkahwinan?	<p>4.3.2 Kategori Pekerja</p> <p>Bagi maksud pengiraan PCB, pekerja diklasifikasikan kepada tiga (3) kategori seperti berikut:</p> <p>Kategori 1: Bujang;</p> <p>Kategori 2: Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja; dan</p> <p>Kategori 3: Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang dengan anak angkat.</p>
2	Jika suami isteri mempunyai jumlah 5 orang anak, Suami menuntut 3 orang anak Isteri menuntut 2 orang anak, dalam borang nak tanda di bahagian 100% atau 50%?	<p>Suami / isteri yang menuntut perlu tanda di Bahagian 100% dan ikut bilangan anak yang dituntut oleh suami / isteri.</p> <p>Ruangan 50% adalah untuk kes yang bercerai sahaja.</p>
3.	Jika mempunyai seorang anak, adakah kedua-dua suami dan isteri layak tuntut?	Jika mempunyai seorang anak, hanya salah seorang sahaja yang layak membuat tuntutan pelepasan anak.
4	Mohon bantuan berkenaan dengan peratus kelayakan tuntutan pelepasan bilangan anak, Ruangan 50% tu hanya untuk pasangan suami isteri yang telah bercerai sahaja atau boleh diguna pakai untuk pasangan PJJ?	Ruangan 50% adalah untuk kes yang bercerai sahaja.

Bil	Soala5	Jawapan																																																						
5	Berdasarkan borang PCB kemaskini Mac 2025, apakah perbezaan Bilangan Anak 100% dan 50%?	<p>Perbezaan bilangan Anak 100% atau 50% adalah berdasarkan status perkahwinan. Ruangan 50% hanya boleh digunakan untuk kes bercerai sahaja.</p> <p>Penerangan terperinci adalah seperti berikut:-</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 10%;">F14</td> <td style="width: 30%;">Anak</td> <td style="width: 60%;">Rujuk Helaian Kerja HK-13.</td> </tr> <tr> <td></td> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Bilangan • Kelayakan 100% • Kelayakan 50% </td> <td> <u>Bilangan</u> Isikan jumlah bilangan anak yang layak dituntut pelepasan sepenuhnya (Kelayakan 100%) atau sebahagiannya (Kelayakan 50%) oleh individu. <u>Kelayakan 100%</u> Ruang ini untuk diisi oleh individu yang layak menuntut pelepasan anak sepenuhnya. </td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td> <u>Kelayakan 50%</u> Ruang ini hanya berkenaan jika dua atau lebih individu (bukan suami isteri yang tinggal bersama) layak menuntut potongan berhubung bayaran yang dibuat ke atas anak yang sama, dan setiap individu tersebut layak menuntut 50% daripada pelepasan yang dibenarkan sebagai potongan. Contohnya, apabila berlaku perceraian dan terdapat dua atau lebih individu yang layak menuntut potongan ke atas anak yang sama. Bagi Taksiran Berasingan, individu dan suami / isteri perlu memilih pelepasan ke atas setiap anak yang ingin dituntut masing-masing. <u>Contoh:</u> Ali mempunyai lima (5) orang anak dan memilih taksiran berasingan. Bilangan anak yang boleh dituntut oleh Ali dan isteri sebagai pelepasan ialah: </td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th></th> <th style="text-align: center;">Ali</th> <th style="text-align: center;">Isteri</th> <th></th> <th style="text-align: center;">Ali</th> <th style="text-align: center;">Isteri</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(i)</td> <td style="text-align: center;">5</td> <td style="text-align: center;">0</td> <td></td> <td style="text-align: center;">2</td> <td style="text-align: center;">3</td> </tr> <tr> <td>(ii)</td> <td style="text-align: center;">4</td> <td style="text-align: center;">1</td> <td></td> <td style="text-align: center;">1</td> <td style="text-align: center;">4</td> </tr> <tr> <td>(iii)</td> <td style="text-align: center;">3</td> <td style="text-align: center;">2</td> <td></td> <td style="text-align: center;">0</td> <td style="text-align: center;">5</td> </tr> <tr> <td>(iv)</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>(v)</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>(vi)</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table> Potongan untuk anak adalah tidak dibenarkan sekiranya anak berkenaan menerima jumlah pendapatan yang melebihi potongan yang dibenarkan untuk anak tersebut. Walau bagaimanapun, penerimaan berikut tidak boleh dianggap sebagai pendapatan anak: <ul style="list-style-type: none"> • Amaun yang diterima sebagai biasiswa, geran atau elauan yang serupa denganannya – perenggan 24 Jadual 6 ACP 1967; dan • Pembayaran yang diterima oleh anak yang berkhidmat dengan majikan di bawah suatu ikatan artikel atau indentur. Subseksyen 48(5) ACP 1967. </td> </tr> </table>	F14	Anak	Rujuk Helaian Kerja HK-13.		<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan • Kelayakan 100% • Kelayakan 50% 	<u>Bilangan</u> Isikan jumlah bilangan anak yang layak dituntut pelepasan sepenuhnya (Kelayakan 100%) atau sebahagiannya (Kelayakan 50%) oleh individu. <u>Kelayakan 100%</u> Ruang ini untuk diisi oleh individu yang layak menuntut pelepasan anak sepenuhnya.			<u>Kelayakan 50%</u> Ruang ini hanya berkenaan jika dua atau lebih individu (bukan suami isteri yang tinggal bersama) layak menuntut potongan berhubung bayaran yang dibuat ke atas anak yang sama, dan setiap individu tersebut layak menuntut 50% daripada pelepasan yang dibenarkan sebagai potongan. Contohnya, apabila berlaku perceraian dan terdapat dua atau lebih individu yang layak menuntut potongan ke atas anak yang sama. Bagi Taksiran Berasingan, individu dan suami / isteri perlu memilih pelepasan ke atas setiap anak yang ingin dituntut masing-masing. <u>Contoh:</u> Ali mempunyai lima (5) orang anak dan memilih taksiran berasingan. Bilangan anak yang boleh dituntut oleh Ali dan isteri sebagai pelepasan ialah:			<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th></th> <th style="text-align: center;">Ali</th> <th style="text-align: center;">Isteri</th> <th></th> <th style="text-align: center;">Ali</th> <th style="text-align: center;">Isteri</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(i)</td> <td style="text-align: center;">5</td> <td style="text-align: center;">0</td> <td></td> <td style="text-align: center;">2</td> <td style="text-align: center;">3</td> </tr> <tr> <td>(ii)</td> <td style="text-align: center;">4</td> <td style="text-align: center;">1</td> <td></td> <td style="text-align: center;">1</td> <td style="text-align: center;">4</td> </tr> <tr> <td>(iii)</td> <td style="text-align: center;">3</td> <td style="text-align: center;">2</td> <td></td> <td style="text-align: center;">0</td> <td style="text-align: center;">5</td> </tr> <tr> <td>(iv)</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>(v)</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>(vi)</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table> Potongan untuk anak adalah tidak dibenarkan sekiranya anak berkenaan menerima jumlah pendapatan yang melebihi potongan yang dibenarkan untuk anak tersebut. Walau bagaimanapun, penerimaan berikut tidak boleh dianggap sebagai pendapatan anak: <ul style="list-style-type: none"> • Amaun yang diterima sebagai biasiswa, geran atau elauan yang serupa denganannya – perenggan 24 Jadual 6 ACP 1967; dan • Pembayaran yang diterima oleh anak yang berkhidmat dengan majikan di bawah suatu ikatan artikel atau indentur. Subseksyen 48(5) ACP 1967.		Ali	Isteri		Ali	Isteri	(i)	5	0		2	3	(ii)	4	1		1	4	(iii)	3	2		0	5	(iv)						(v)						(vi)					
F14	Anak	Rujuk Helaian Kerja HK-13.																																																						
	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan • Kelayakan 100% • Kelayakan 50% 	<u>Bilangan</u> Isikan jumlah bilangan anak yang layak dituntut pelepasan sepenuhnya (Kelayakan 100%) atau sebahagiannya (Kelayakan 50%) oleh individu. <u>Kelayakan 100%</u> Ruang ini untuk diisi oleh individu yang layak menuntut pelepasan anak sepenuhnya.																																																						
		<u>Kelayakan 50%</u> Ruang ini hanya berkenaan jika dua atau lebih individu (bukan suami isteri yang tinggal bersama) layak menuntut potongan berhubung bayaran yang dibuat ke atas anak yang sama, dan setiap individu tersebut layak menuntut 50% daripada pelepasan yang dibenarkan sebagai potongan. Contohnya, apabila berlaku perceraian dan terdapat dua atau lebih individu yang layak menuntut potongan ke atas anak yang sama. Bagi Taksiran Berasingan, individu dan suami / isteri perlu memilih pelepasan ke atas setiap anak yang ingin dituntut masing-masing. <u>Contoh:</u> Ali mempunyai lima (5) orang anak dan memilih taksiran berasingan. Bilangan anak yang boleh dituntut oleh Ali dan isteri sebagai pelepasan ialah:																																																						
		<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th></th> <th style="text-align: center;">Ali</th> <th style="text-align: center;">Isteri</th> <th></th> <th style="text-align: center;">Ali</th> <th style="text-align: center;">Isteri</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(i)</td> <td style="text-align: center;">5</td> <td style="text-align: center;">0</td> <td></td> <td style="text-align: center;">2</td> <td style="text-align: center;">3</td> </tr> <tr> <td>(ii)</td> <td style="text-align: center;">4</td> <td style="text-align: center;">1</td> <td></td> <td style="text-align: center;">1</td> <td style="text-align: center;">4</td> </tr> <tr> <td>(iii)</td> <td style="text-align: center;">3</td> <td style="text-align: center;">2</td> <td></td> <td style="text-align: center;">0</td> <td style="text-align: center;">5</td> </tr> <tr> <td>(iv)</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>(v)</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>(vi)</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table> Potongan untuk anak adalah tidak dibenarkan sekiranya anak berkenaan menerima jumlah pendapatan yang melebihi potongan yang dibenarkan untuk anak tersebut. Walau bagaimanapun, penerimaan berikut tidak boleh dianggap sebagai pendapatan anak: <ul style="list-style-type: none"> • Amaun yang diterima sebagai biasiswa, geran atau elauan yang serupa denganannya – perenggan 24 Jadual 6 ACP 1967; dan • Pembayaran yang diterima oleh anak yang berkhidmat dengan majikan di bawah suatu ikatan artikel atau indentur. Subseksyen 48(5) ACP 1967.		Ali	Isteri		Ali	Isteri	(i)	5	0		2	3	(ii)	4	1		1	4	(iii)	3	2		0	5	(iv)						(v)						(vi)																	
	Ali	Isteri		Ali	Isteri																																																			
(i)	5	0		2	3																																																			
(ii)	4	1		1	4																																																			
(iii)	3	2		0	5																																																			
(iv)																																																								
(v)																																																								
(vi)																																																								
6	Saya telah bercerai dengan isteri dan tidak mempunyai anak, boleh ke nak isi Kategori 1?	<p>Pegawai boleh isi Kategori 1 jika telah bercerai dan tidak mempunyai anak.</p> <p>Tetapi, jika pegawai bercerai dan mempunyai anak, pegawai pilih Kategori 3 serta menuntut kelayakan anak di Bahagian 50%.</p>																																																						